



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

31 OKTOBER 2021 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

31 OKTOBER 2021 (AHAD)

Sasar 15,200 peniaga kecil, mikro guna kaedah e-dompet

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meletak sasaran 15,200 peniaga kecil dan mikro di seluruh negara menggunakan aplikasi e-wallet dalam transaksi perniagaan menjelang akhir tahun depan.

ia adalah usaha memperluaskan penggunaan aplikasi e-wallet di luar bandar dalam menggalakkan transaksi tanpa tunai di kawasan terabit.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) antara usaha kementerian mempercepatkan penerimaan dan penggunaan e-wallet dalam sektor peruncitan.

"Sasaran itu membabitkan peniaga restoran, medan selera, gerai, peniaga pasar tani, pasar malam, pasar basah dan pasar borong, selain kedai runcit dan kedai pengkhususan di luar bandar.

"Kita yakin sasaran berkenaan mampu dicapai menerusi kolaborasi kementerian bersama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Seramai 100 peniaga di setiap PBT disasar menyertai program ReDI ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Program ReDI di Pasar Besar Kuala Berang, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Berang, Dr Mamad Puteh dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, e-wallet berkenaan bukan saja memberi nilai tambah terhadap pengembangan perniagaan, tetapi memastikan peniaga mempunyai pengurusan rekod kewangan tersusun.

"Selain itu, peniaga kecil dan mikro juga berpeluang merebut akses pinjaman mikro yang disediakan penyedia kemudahan e-wallet ini," katanya.

Pada majlis itu, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu mengisytiharkan Kuala Berang sebagai Wilayah e-wallet Luar Bandar Pertama di Malaysia.



ROSOL beramah mesra dengan seorang peniaga Pasar Besar Kuala Berang di Hulu Terengganu semalam.

15,200 premis guna transaksi e-Dompet melalui Redi

HULU TERENGGANU – Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Redi) yang menggalakkan transaksi menerusi aplikasi e-Dompet akan diperluas kepada 15,200 premis perniagaan kecil di seluruh negara menjelang tahun hadapan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, program itu di-sasar kepada peniaga pasar tani, pasar malam, pasar borong, restoran, medan selera dan kedai runcit terutama di luar bandar.

"Ia seiring dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) yang dilancarkan pada 19 Februari lalu.

"Redi bermula di tapak Pasar Tani Presint 2, Putrajaya pada 6 April lalu, namun program itu tergendala akibat peningkatan kes Covid-19," katanya selepas melancarkan Redi peringkat Kuala Berang semalam.

Menurutnya, pelancaran Redi di Kuala Berang bakal merancakkan perluasan program tersebut di semua kawasan pihak berkuasa tempatan lain khususnya di luar bandar.



HARI : AHAD
 TARIKH : 31/10/2021
 M/SURAT : 15

Senarai Harga Barang Keperluan							
Ayam	RM6.49	Telur Gred A	RM10.90	Gula Pasir	RM2.85	Cili Merah	RM9.90
Daging Lembu Tempatan	RM34	Ikan Kembung	RM10.99	Bawang Besar Holland	RM2.69	Kubis Bulat Tempatan	RM2.99
Daging Lembu Import	RM25	Minyak Masak	RM6.50	Bawang Putih	RM5.99	Tepung Gandum	RM2.19
<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP</small>							